

ARTIKEL SURATKHABAR

Nama Suratkhobar : Utusan Malaysia (Segmen Dalam Negeri)

Tarikh : Isnin, 22 September 2014

Mukasurat : 14

MUKA 14 • UTUSAN MALAYSIA

ISNIN 22 SEPTEMBER 2014

Dalam Negeri

Ketua Setiausaha Negara dipilih Ikon Membaca Kebangsaan 2014

PUTRAJAYA 21 Sept. - Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa hari ini dipilih sebagai Ikon Membaca Kebangsaan 2014 iaitu penjawat awam pertama dianugerahkan gelaran itu.

Ali dipilih sebagai ikon membaca kebangsaan yang keempat selepas Tun Dr. Mahathir Mohamad (2012), Datuk Michelle Yeoh (2010) dan Datuk Dr. Sheikh Muszaphar Shukor (2009).

Ketika ditemui, beliau menyifatkan anugerah itu sebagai satu kepercayaan dan amanah yang diberikan kepadanya.

Katanya, biarpun sibuk menjalankan tugas seharian, namun setiap masa terluang pasti akan diisi dengan membaca buku.

"Saya suka membaca. Selain membaca buku ilmiah untuk mendapatkan idea-idea baharu, saya suka membaca buku-buku yang menghiburkan hati seperti kartun dan fiksiyen bagi melapangkan fikiran," katanya.

Terdahulu beliau melancarkan Program Take A Break Read@Putrajaya di Dataran Putra di sini.

Yang hadir sama Presiden Perbadanan Putrajaya, Tan Sri Dr. Aseh Che Mat.

Ikon membaca adalah satu inisiatif yang dilaksanakan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) bermula pada 2009 dalam usaha menggalakkan dan membudayakan amalan membaca terutama dalam kalangan generasi muda.

Pemilihan Ali sebagai ikon membaca adalah kerana beliau merupakan seorang pembaca yang tegar walaupun dalam kesibukan menjalankan tugas bagi memastikan kelancaran pengurusan pentadbiran negara.

Menurut Ali, buku yang menjadi pilihannya adalah berkaitan ekonomi, kepimpinan dan tajuk yang paling digemarinya adalah hasil karya James A. Robinson dan Daron Acemoglu berjudul *Why Nation Falls*.


"Berapa banyak buku yang habis dibaca bergantung pada saiznya dan ada antaranya ambil masa sebulan untuk habis, tetapi saya berharap untuk membaca lebih lagi setiap kali saya tengok buku, saya akan beli dan baca," katanya.

Katanya, budaya membaca perlu diterapkan dalam diri setiap orang dan seharusnya dijadikan salah satu aspek atau pemangkin utama dalam meningkatkan keperibadian dan ilmu pengetahuan.

Dalam program tersebut beliau turut melancarkan *Library on Wheels* iaitu perpustakaan mini yang disediakan dalam bas-bas awam di Putrajaya hasil usahasama Pengangkutan Awam Putrajaya Sdn. Bhd. (PAPSB) dan Jabatan Perdana Menteri.

Menurutnya, objektif utama yang ingin diketengahkan ialah perkhidmatan bas bukan sekadar pengangkutan awam, tetapi juga menjadi satu tempat untuk rakyat secara berterusan meningkatkan ilmu pengetahuan mereka.

"Bagi peringkat awal sebanyak lima buah bas akan menyediakan ruang mini perpustakaan ini dan PAPSB dalam rancangan jangka panjang akan meluaskan perkhidmatan mini perpustakaan ini ke semua 175 bas miliknya secara berperingkat," katanya.



ALI Hamsa (dua dari kanan) dan Isteri, Puan Sri Rohani Abdullah serta Aseh Che Mat (baris kedua, dua dari kanan) bersama pembaca menunjukkan pelbagai judul buku pada Program Take A Break Read@Putrajaya di Dataran Putra, Putrajaya, semalam. -BERNAMA